

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ALAN LING SIE KIONG**

**TARIKH : 23 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 70**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah penyelesaian jangka pendek untuk menaik taraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri melalui usaha Malaysia Airports Holding Berhad dan Rancangan Malaysia Ke-11 dan berapakah jumlah peruntukan dan projek naik taraf yang dirancang.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Bangunan Terminal Lapangan Terbang Miri (LT Miri) dan telah mengemukakan permohonan peruntukan di bawah Rolling Plan Kedua dan Ketiga, Rancangan Malaysia KeSebelas (RP2 & RP3, RMKe11). Memandangkan terdapat kekangan perbelanjaan Kerajaan, permohonan ini telah ditangguhkan.
2. Bangunan terminal LT Miri telah direkabentuk bagi mengendalikan 2 juta penumpang setahun (mppa). Pada tahun 2018, LT Miri telah mengendalikan seramai 2,349,749 penumpang. Jumlah penumpang ini telah melepasi kapasiti rekabentuk bangunan terminal dan mengakibatkan kesesakan berlaku di kawasan daftar masuk, *public concourse*, pemeriksaan keselamatan dan balai perlepasan terutamanya pada waktu puncak.
3. Sebagai langkah penyelesaian jangka pendek, Kementerian ini melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) sedang melaksanakan Pelan "Optimization" untuk menaik taraf Bangunan Terminal LT Miri. Melalui pelan ini, MAHB merancang untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 2.0 juta penumpang setahun kepada 3.0 juta penumpang setahun dan dianggarkan dapat menampung keperluan penumpang sehingga tahun 2027.
4. Antara cadangan skop kerja bagi Pelan Optimization ini adalah seperti berikut:
  - a. menaiktaraf dan penambahan bangunan terminal untuk kawasan "Rural Air Service" (RAS);
  - b. Ruang pejabat baharu bagi kegunaan agensi kerajaan dan syarikat penerbangan;
  - c. Pertambahan kaunter daftar masuk;

- d. In-line Hold Baggage System (ILHBS) baharu; dan
  - e. Penambahbaikan dan kerja-kerja menaiktaraf di kawasan balai pelepasan
5. Bagi melancarkan pelaksanaan projek ini, MAHB telah melantik juruperunding untuk menjalankan kajian Pelan Optimization pada 1 November 2018. Kos keseluruhan projek hanya akan dapat dimuktamadkan selepas kajian tersebut selesai. Projek menaiktaraf ini dijangka bermula pada November 2019 dan akan dilaksanakan dalam anggaran tempoh 18 bulan.

Sekian, terima kasih.